

MALAY


**sam**  
singaporeartmuseum  
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA

# YEE I-LANN



4 DEC 24–23 MAR 25  
**TANJONG PAGAR DISTripARK**

- 1 Pengenalan
- 2 *Dunia Bendalir*
- 3 *Siri Horizon: Ufuk*
- 4 *Kisah-Kisah Sulu*
- 5 *Siri Orang Besar*
- 6 *Imej Kuasa*
- 7 *Projek Pengukuran*
- 8 *Urutan Tukad Kad #01*
- 9 *Leperkan Kotak*
- 10 **TIKAR/MEJA/PLASTIK**
- 11 *Peta Mansau-ansau*
- 12 “helo dari luar”
- 13 *TEPO PUTIH (Tikar Putih)*
- 14 *Topi Lalandau Berkepala 7*
- 15 **PANGKIS**
- 16 *Kerbau*



*Mansau-Ansau* dalam bahasa Dusun dan Kadazan Sabah bermaksud “berjalan dan berjalan” atau mengembara tanpa destinasi yang telah ditetapkan. Ia merujuk kepada tindakan mengembara dengan peluang untuk tersesat, dengan itu menemui destinasi baharu dalam perjalannya. Ia juga merupakan nama yang diberikan kepada corak anyaman yang dicipta oleh artis Sabah Yee I-Lann dan rakan usaha samanya Julitah Kulinting, Lili Naming dan Shahrizan Bin Juin dari Keningau. Mengikut kelaziman, tenunan ialah pengulangan bahan yang berselang; tetapi corak *mansau-ansau* baharu ini menantang dan bebas daripada batasan tetap takrif ini. Sebagai tajuk pameran, *Mansau-Ansau* menjangkau kepada penanggapan semula terhadap rangka, laluan dan sempadan dalam memanggil pemerhati untuk menghadirkan diri pada detik itu, diiringi rasa ingin tahu dan penerimaan sepenuhnya akan perjalanan dan irama seseorang.




## *Dunia Bendalir*

2010

Cetakan inkjet Mimaki digital langsung dengan motif retak batik  
pewarna asid, nila asli Jepun Ai pada 100% kepar sutera

Koleksi Muzium Seni Singapura

*Dunia Bendalir* ialah peta maritim yang berpusatkan Asia Tenggara, dihasilkan menggunakan imej satelit yang diarkibkan oleh Google Maps. Karya ini membentangkan jangkauan sejarah dan antarabangsa pengembara dari rantau ini yang merentas seluruh dunia. Wilayah berair ini telah menyaksikan banyak percubaan dalam mentakrif dan membahagi—pelayaran untuk memperluas empayar, tuntutan kolonial, dan kedaulatan sempadan dan laut negara pada zaman kita sekarang. Secara paradoks, ruang pertikaian dan perjuangan ini wujud demi mengejar rasa kekitaan dan kediaman. Kesan batik diperoleh daripada kaedah tahan lilin yang menghalang penyerapan pewarna, penghalaan dan penghalaan semula pewarna antara rekahan dan retaknya. Dalam pengimejan semula untuk imaginasi semula, *Dunia Bendalir* adalah peringatan tentang ketidaktetapan intrinsik pembahagian geografi yang boleh berubah seperti retakan rawak dalam lilin batik yang melaluinya, cecair pewarna mengalir.



## Siri *Horizon*: *Ufuk*

2003

Inkjet pigmen arkib pada Epson Premium Photo Luster

Koleksi seniman

Ufuk ialah garis penglihatan yang berubah-ubah. Ia mengelilingi dan meregang sejauh mata memandang, namun surut apabila didekati. Ufuk mempesona dalam pembahagian langit, laut dan darat yang tidak berbelah bahagi, walaupun ia memacatkan anda ke tempat anda berdiri. Pada tahun 2003, Yee menjalani residensi selama tiga bulan di Australia Selatan di mana beliau mencipta siri *Horizon* dan menulis kata-kata ini:

“Saya suka padang pasir terbuka. Saya suka mempunyai ruang yang begitu luas. Saya suka meregangkan pandangan saya ke titik yang amat jauh, yang tidak terganggu oleh pokok, bangunan atau bukit. Saya suka langit luas yang semakin berat semakin lama saya melihatnya dan ia memeluk saya dengan lembut dengan segenap pengetahuan dan kemungkinan alam semesta. Saya suka cakera bumi, ufuk yang mengelilingi saya, menandai saya dan meletakkan saya Di Sini. Di tempat ini. Di sini. Saya suka mempunyai perspektif. Saya pusat alam semesta dan inilah bukti saya, semuanya berpuncak daripada saya. Saya boleh melihatnya, ia nyata; ia benar.

Dan kemudian saya melangkah dan segala-galanya berubah, ufuk bergerak bersama saya, menjelajah saya biarpun laju menjauhi dengan garisan berterusannya; ia bergabung dan berpisah, melemaskan saya. Ia mengusik saya, mempersoalkan saya, mencabar saya dan selalu, keberadaan saya di sini, perspektif saya, berubah dan saya hilang arah, tidak pasti, keliru di tengah-tengah cakera ini yang tidak membenarkan saya berfikir, yang tidak membiarkan saya. Langit bersama-sama ufuk menutup pelarian saya, bergabung dan berpisah. Ia menafikan kewujudannya sendiri seperti ia menafikan kewujudan saya. Saya tidak mempunyai apa-apa milik saya. Itu semua ilusi, ia tidak nyata tetapi ia masih benar.”

Ditulis oleh Yee I-Lann di Australia Selatan pada tahun 2003

Yee I-Lann, “Horizon,” in *Fluid World* eds. Beverly Yong and Adeline Ooi (Kuala Lumpur: Valentine Willie Fine Art, 2010), 69.

## *Kisah-Kisah Sulu*

2005

Inkjet pigmen arkib pada Epson Premium Photo Luster

Koleksi Muzium Seni Singapura

Kedekatan geografi yang membolehkan perjalanan bersama-sama arus politik dan sejarah membentuk garisan yang boleh dilihat dan tidak terlihat yang menghubungkan Sabah dan selatan Filipina secara intim. Pemandangan laut yang dikongsi ini merupakan ruang penuh peristiwa yang membenihkan diorama visual artis, dihasilkan dengan menggunakan kolaj digital untuk menggabungkan gambar-gambar laut dan langit dengan imej dan maklumat yang dikumpul daripada arkib dan perpustakaan (Perpustakaan Warisan Filipina di Manila, Pentadbiran Lautan & Atmosfera Kebangsaan [NOAA], Muzium Negeri Sabah dan Arkib Negeri Sabah). Terlapis di atas keluasan diorama-diorama ini ialah mitos dan khayalan nomad laut dan penduduk asli, konflik dan pakatan semasa penaklukan kolonial dan gerak muslihat politik kontemporari, serta simbol dan sifat hidupan liar, semuanya dalam lingkungan ufuk yang mendedahkan, sebanyak yang disembunyikan, apa yang berada di atas dan di bawah garis air yang dikongsi ini.



## Barangay

Barangay dalam bahasa Tagalog menandakan unit pentadbiran pemerintah tempatan terkecil di Filipina dan juga digunakan untuk merujuk kepada komuniti kecil. Asal usul perkataan itu ialah balangay, yang bermaksud “bot.” Imej itu diperbuat daripada beberapa pulau di Laut Sulu berhampiran Coron dan Palawan, yang telah dicantumkan.

Balang Manunggul ditemui di Gua Manunggul di Palawan dan bertarikh 710–890 SM. Figura antropomorfik pada penutup balang pengebumian melambangkan roh yang belayar ke akhirat dengan bot maut.



## Awn Hambuuk Sultan

Awn Hambuuk Sultan dalam bahasa Tausug bermaksud “Ada Seorang Raja.” Tausug merujuk kepada kumpulan Islam terbesar di kepulauan Sulu, dengan nama mereka yang bermaksud “orang arus.”

“Aku, bay ku ntuu jaga luma” ialah “Saya, saya pernah berada di sini, menjaga rumah” dalam bahasa Mapun. Bahasa ini

tergolong dalam kumpulan bahasa Sama-Bajaw (Bajau) kaum Austronesia, yang kebanyakannya di rantau ini merupakan bawahan kepada Kesultanan Sulu, sebuah empayar perdagangan yang sangat berjaya.

Kota tembok Jolo yang dibina oleh Sepanyol ialah kota tembok terkecil di dunia dan juga ibu kota wilayah Sulu Filipina.

Tausug (juga dipanggil Moro atau Moor oleh Sepanyol) bermusuhan dengan pendudukan Sepanyol di Jolo, maka pihak berkuasa Sepanyol membina tembok di sekeliling penempatan yang mereka rujuk sebagai *Intramuros*, yang bermaksud “menghalang kemasukan orang Moor.” Tempat itu kemudiannya dikenali sebagai Kota Tembok Jolo.



### Kepulauan

Menampilkan Sultan Jamalul Kiram II, salah seorang penandatangan Perjanjian Bates pada tahun 1899 (dengan merujuk kepada Brigadier Jeneral John Bates), perjanjian ini bertujuan untuk mengiktiraf kedaulatan Amerika ke atas Sulu, menggantikan Sepanyol selepas Perang Sepanyol-Amerika.

Foto pokok hujan-hujan (*samanea saman*) telah diambil di Tanah Perkuburan Amerika Manila di Metropolitan Manila. Pokok asli Amerika Selatan ini telah tersebar dan dinaturalisasi di seluruh Hindia Timur.



### *Peta*

Wanita ini memperkenalkan dirinya sebagai Bajau Kagayan (juga dikenali sebagai Sama Mapun di Filipina). Foto beliau telah diambil oleh Yee di kampungnya, iaitu Kampung Buli Sim Sim, Sandakan.

Lelaki ini memperkenalkan dirinya sebagai Suluk (juga dikenali sebagai Tausug di Filipina). Foto beliau telah diambil oleh Yee di Pulau Selingan, sempadan Malaysia-Filipina.

Gambar Laut Sulu ini telah diambil berhampiran sempadan Malaysia-Filipina, menghadap ke arah Filipina.



### *Sempadan*

Pada tahun 1996, kerajaan Malaysia dan pemerintah Filipina menandatangani Perjanjian Kawasan Perlindungan Warisan Kepulauan Penyu di Manila untuk menubuhkan kawasan perlindungan rentas sempadan pertama di dunia untuk penyu laut. Perjanjian itu meliputi lautan di sekitar kesemua sembilan pulau dalam Rantaian Kepulauan Penyu Sulu, merangkumi enam pulau Filipina dan tiga pulau Malaysia di Laut Sulu.

Gambar tiang-tiang simen ini diambil di laut Teluk Bacoor, Cavite, merujuk kepada Pengisytiharan Kemerdekaan Filipina yang ditandatangani pada tahun 1898 di Cavite, Filipina. Pengisytiharan itu tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat mahupun Sepanyol.

Penyu hijau (*chelonia mydas*) di paparan ini ialah spesies yang terancam, walaupun masih agak lazim di Laut Sulu. Penyu hijau betina mula-mula membiak sekitar umur 30 tahun, kembali ke pantai tempat mereka menetas untuk bertelur. Tiada siapa yang tahu mengapa makhluk purba ini kembali ke pantai yang sama tempat mereka dilahirkan, seolah-olah mengemudi melalui kompas biologi.



## Sarang

*Sarang* dalam bahasa Melayu merujuk kepada “sarang, sarang labah-labah atau jerumun.”

*Bayawak* (biawak) diketahui memangsa penyu yang baru menetas. Biawak menggunakan ekornya untuk mencari lubang sarang dan kakinya untuk menggali telur.



## Cangkerang

Cangkerang Conidae (*conus litteratus*) ditemui oleh Yee di Coron, Laut Sulu, berukuran kira-kira 120 mm tinggi.



## Sarung

Sarung merupakan pakaian lazim di rantau ini, iaitu sehelai kain yang dililit di bahagian bawah badan, dan dipakai oleh lelaki dan wanita. Istilah sarung juga merujuk kepada sarung senjata seperti keris.

Balang naga Cina yang bernilai tinggi telah didagangkan di rantau Sulu dan Borneo berabad-abad lamanya. Balang-balang ini memainkan peranan sosio-budaya-spiritual yang sangat penting dalam sejumlah komuniti, contohnya sebagai wadah penapaian, balang kematian dan bekas menyimpan makanan dan air.



## *The Landmark*

*The Landmark* ialah rangkaian Gedung Serbaneka Filipina. Yee membeli cenderahati pelancong bot *vinta* di dalam botol kecil di *The Landmark*. Kod bar adalah daripada cenderahati.

*Vinta* ialah bot layar kecil dengan drauf yang cetek dan biasanya mempunyai cadik untuk menambah kestabilan dan tiang tengah dengan layar berjalur warna-warni. Bot ini sering digunakan dalam kalangan orang Tausug untuk mengangkut orang dan barang merentasi jarak dekat sekitar kepulauan, dan telah menjadi simbol wilayah Sulu.

Foto “Suku orang asli berhampiran Jolo” telah diambil oleh Leftenan (j.g.) Leonard Johnson pada tahun 1926, Tinjauan Pantai & Geodetik AS (C&GS), dan ditemui di Jabatan Perdagangan AS, Tinjauan Pantai & Geodetik Bersejarah Pentadbiran Lautan & Atmosfera Kebangsaan (Koleksi C&GS), di bawah kategori “Kepulauan Filipina/Pemandangan Pantai Budaya Asli.”



## Lagu Keris

Imej bertajuk "Jamalul Kiram II 1903" adalah daripada *Moros as seen in Mindanao and the Sulu Archipelago* (Moros seperti yang dilihat di Mindanao dan Kepulauan Sulu) oleh Dionisio Encinas yang diterbitkan pada tahun 1903, Perpustakaan Warisan Filipina. Penerangan itu berbunyi: "Sultan Sulu dipaparkan dengan seorang pembantu selepas salah satu daripada beberapa persidangan damai yang diadakan pada tahun 1903 mengenai Cukai Cedula yang dikenakan ke atas penduduk asli Mindanao. Penduduk asli membenci dan secara terbuka menentang peraturan bahawa lelaki dewasa perlu mendapat sijil pendaftaran bernilai 2 peso. Pertempuran Cotta (parit) antara tentera Amerika dan umat Islam meletus pada tahun itu."

*Sarimanok* – menyerupai ayam jantan dengan ikan tergantung sama ada pada paruh atau kuku – ialah, dalam simbolisme penduduk asli purba, utusan rasa kasih, pengantara antara alam dunia dan syurga, dan simbol tuah dan komunikasi.

Bot *lepa-lepa*, foto daripada koleksi Muzium Sabah, ialah sebuah rumah bot kecil yang biasa digunakan oleh orang laut nomad tradisional seperti Bajau dan Orang Sama di Laut Sulu.

Keris, *kris* atau *kalis* ialah senjata belati bersimetri yang terdapat di seluruh Kepulauan Melayu. Terdapat beberapa perbezaan serantau tetapi sebagai objek, mereka semua berkongsi kepentingan budaya dan kerohanian khusus komuniti yang kuat, terkait dengan alam roh. Secara tradisi, tiada seorang pun akan meninggalkan rumah tanpa kerisnya.



### *High Noon (Tengah Hari Tinggi)*

Imej dari tahun 1925 ini adalah daripada Jabatan Perdagangan AS, Koleksi Tinjauan Pantai & Geodetik Bersejarah (C&GS) Pentadbiran Lautan & Atmosfera Kebangsaan di bawah kategori “Filipina/Pelancong,” dan disertakan dengan teks berikut: “Bermain-main — Cornelius Meaney mementaskan pergaduhan — kadang-kadang ini adalah benar. Pada tahun 1941, seorang pegawai C&GS parah dicederakan oleh seorang *juramentado* dengan senjata *bolo*. Kadang-kadang anak kapal Kristian dari Utara akan hilang di Selatan Islam.” (Kredit imej: Keluarga Kapten George L. Anderson, C&GS).

*High Noon* ialah sebuah filem “koboi” Amerika yang diarahkan oleh Fred Zinnemann pada tahun 1952 dan dibintangi oleh Gary Cooper.



### *Saudara dalam Perjuangan*

Kolonel Gaddafi, pemimpin Libya dari 1969 hingga 2011.

Tun Mustapha (Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun), seorang bangsa Tausug yang mempunyai hubungan jauh dengan Kesultanan Sulu, merupakan Gabenor Sabah pertama dari 1963–1965 dan Ketua Menteri dari 1967–1975.

Kolonel Gaddafi dan Tun Mustapha telah bekerjasama, menjadi sumber utama untuk senjata, pembiayaan dan latihan kepada Tentera Pembebasan Rakyat Bangsa Moro di bawah Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang merupakan gerakan pro-kemerdekaan untuk Mindanao Muslim pada 1970-an, sejurus selepas Presiden Filipina Ferdinand Marcos mengenakan undang-undang tentera pada 1972.



### *The Ch'i-lin of Calauit*

Ferdinand Marcos ialah Presiden Filipina ke-10, berkhidmat selama tiga penggal dari 1965 hingga 1986. Imelda Marcos ialah isteri dan pasangan politik Marcos.

Calauit ialah sebuah pulau di barat laut Palawan. Pada tahun 1977, kapal MV Salvador mengangkut haiwan savana Kenya Afrika ke pulau itu sebagai menyahut rayuan antarabangsa untuk menyelamatkan haiwan Afrika yang terancam akibat daripada perang dan kemarau. Haiwan yang dipindahkan ialah zirafah, zebra dan pelbagai spesies antelop: impala, gazel, eland, waterbuck, bushbuck dan topi. Haiwan-haiwan itu ditempatkan di kawasan yang kini menjadi Calauit Game Preserve and Wildlife Sanctuary (Tempat Perlindungan Hidupan Liar dan Pemeliharaan Calauit) yang seluas 3,700 hektar. Penduduk asli Tagbanua yang mendiami pulau-pulau itu telah dipindahkan.

Pokok pisang kipas (*ravenala madagascariensis*) berasal dari Madagascar.

## *Siri Orang Besar*

2010

Cetakan inkjet Mimaki digital langsung dengan pewarna asid, canting batik, pewarna Remazol Fast Salt pada 100% kepar sutera

Koleksi Muzium Seni Singapura

Di Asia Tenggara, *orang besar* merujuk kepada seseorang yang mempunyaikekayaan ekonomi dan pengaruh sosial-politik. Kedudukan mereka yang tinggi selalunya disebabkan oleh orang lain yang menyerahkan tenaga kerja dan kuasa kepadanya demi memperoleh keselamatan dan kesejahteraan sebagai ganti. Dinamik ini pula diulang pada peringkat yang lebih tinggi dan selanjutnya.

Kain panjang dipakai dengan lebih kerasmian daripada kain sarung, kerana kain panjang dibalut rapat dari pinggang hingga buku lali, dan gaya melilit yang ketat ini kurang praktikal untuk sosok golongan pekerja. Selain itu, kain ini juga berbeza daripada kain sarung yang mungkin mempunyai corak kepala dan biasanya lebih pendek.

Menggabungkan ciri-ciri kedua-duanya, karya seni ini mengulas hubungan antara golongan berkuasa dan golongan marhaen pada zaman lalu dan zaman sekarang, dan ini selanjutnya digambarkan oleh flora yang biasa di rantau ini: tumbuhan “parasit” beringin hemi-epifit yang bergantung pada pokok perumah sambil menyediakan perlindungan kepada tumbuhan lain; mimosa (pokok semalu) yang “lekas marah,” dengan daunnya yang sensitif yang melipat dan menutup apabila dicetuskan; dan pokok periuk kera “karnivor,” yang nektarnya menjadi daya tarikan, hanya untuk memakan tetamunya.



*Siri Orang Besar: Kain Panjang dengan Kepala Karnivor*



*Siri Orang Besar: Kain Panjang bersama Kepala Pemarah*



*Siri Orang Besar: Kain Panjang dengan Kepala Parasit*

## ***Imej Kuasa & Projek Pengukuran***

Medium visual utama Yee ialah fotografi, walaupun beliau tidak selalu berada di belakang kamera. Dengan merujuk kepada dirinya sebagai “pembaca” gambar dan bukannya “pembuat,” kita disedarkan akan tafsiran dan kerangka tindakan fotografi dan usahanya di luar subjek yang dilihat. Beliau sering melibatkan imej yang ditemui dan menggunakan kolaj untuk mengekalkan jejak dan asal usul imej, serta bayangan masa imej-imej tersebut. Kolaj digitalnya mengkonfigurasi semula dengan menyusun semula dan membalikkan hubungan visual dan semantik, dan hierarki, mencadangkan naratif dan kemungkinan baharu.

KIRI:

*Imej Kuasa*

2013

Cetakan Giclée pada Hahnemühle Photo Rag Ultra Smooth Fine Art,  
310 gsm 100% kertas kain kapas

Koleksi Muzium Seni Singapura

*Imej Kuasa* memanfaatkan arkib Tropenmuseum di Amsterdam (Muzium Tropika) untuk mendedahkan sejarah keganasan penjajah di Tanah Melayu melalui kedangkalan dan kehadiran pentadbiran, tadbir urus dan pendidikan di merata tempat. Apa yang dipakai, gaya duduk atau mencangkung, dan alat-alat yang boleh digunakan, semua itu membentuk secara halus, namun tidak dinafikan, keperibadian, pandangan dan dengan itu, dunia seseorang.



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang secara diam-diam melakukan peninjauan untuk mengumpul pandangan dan membekukan sudut pandangan untuk mencerminkan golongan mereka sendiri*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang, atas nama ilmu, mengukur segala yang ada, memberi nama lalu menghebahkannya, dan dengan demikian, menuntut sebagai hak milik*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang mengangguk dengan simpati politik dan berkata saya lebih memahami diri anda daripada anda memahami diri sendiri, saya hanya di sini untuk membantu anda membantu diri anda sendiri*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang membentangkan rekod berindeks berkenaan data yang ditukar menjadi aset sambil berlagak sebagai bos*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang mengakui hati dan minda insan yang tidak tahu apa-apa sebagai miliknya dan memberi mereka pengetahuan yang perlu dipelajari*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang memupuk kod-kod budaya yang merupakan usaha mulia manusawi dan dengan itu merendahkan martabat mereka*



*Imej Kuasa: Yang mana seseorang menyerahkan cara melihat harta rampasan, tanah dan buruh, dan dengan itu terwujudlah keterlibatan dalam pengecualian daripada kesalahan; anda kini bersubahat dalam jenayah*



*Imej Kuasa: Yang mana warisan seseorang pulang ke asal dan memberi tanggapan bahawa anda juga boleh mengeksplotasi dan menundukkan orang lain, dan bermegah-megah dalam hidup anda yang penuh keseronokan*

KANAN


## *Projek Pengukuran: Bab Satu hingga Tujuh*

2021–2022

Cetakan pigmen inkjet digital (Giclée) pada Foto Hahnemühle, Kertas kain buruk

Koleksi Muzium Seni Singapura


Dihasilkan sedekad selepas *Picturing Power* (Imej Kuasa), *Measuring Project* (Projek Pengukuran) menyediakan penawar anti-kolonial melalui tikar anyam, dengan bentuk yang pada dasarnya melambangkan kesamarataan dan membumi. Dalam mendorong penglihatan dan pembelajaran semula sistem nilai, *Measuring Project* (Projek Pengukuran) menyeru kepada dan berkait dengan pengetahuan nenek moyang dan komuniti mereka untuk mencadangkan masa depan baharu yang mudah ditemui dalam penjajaran semula tubuh dari kerusi ke tikar.




## *Projek Pengukuran: Bab Satu*



*Projek Pengukuran: Bab Dua*



*Projek Pengukuran: Bab Tiga*



*Projek Pengukuran: Bab Empat*



*Projek Pengukuran: Bab Lima*



*Projek Pengukuran: Bab Enam*



*Projek Pengukuran: Bab Tujuh*



## Urutan Tukad Kad #01


Anyaman oleh penanyam Dusun Minokok Julitah Kulinting, S Narty Raitom, Julia Ginasius dan Zaitun Raitom di Batu Lunguyan, Keningau

2021

Buluh Pus dibelah, pewarna hitam asli kayu obol, bahan kedap kusam

Koleksi seniman

*Tukad kad* menerangkan corak bertingkat-tingkat asas dalam bahasa Dusun dan Murut. Ia juga merujuk kepada rabung pada bumbung mulut yang menjadi ketara dan dapat dirasai oleh lidah dalam keadaan haba atau keasidan. Dengan mengubah corak bentuk yang berulang dan tersusun rapat ini, imej dan motif geometri dapat diperoleh, contohnya imej tingkap louvre yang terdapat dalam karya ini dengan kesan lentikular. Ciri seni bina ini mengingatkan artis akan bilik tidur zaman kanak-kanaknya dan kenangan rumah beliau, pada masa yang sama menekankan fungsinya mengawal pengaliran udara dan haba di antara bahagian luar dan dalaman bangunan. Meja yang digambarkan ialah meja seniman sendiri yang dipaparkan terlempar dan gelisah seperti *guik*, iaitu “cacing” dalam bahasa Kadazan, mengingatkan kepada amaran nenek beliau supaya tidak bermain tanpa alas kaki di luar rumah, dan selanjutnya melombong pengetahuan nenek moyang dan tersembunyi, dalam makna literal *guik*, iaitu perbuatan menggali. Karya ini merupakan yang pertama daripada siri eksperimen *Tukad kad* yang mana anyaman menjadi piksel untuk bentuk dan ruang baharu, baik bergambar maupun konsepsi.



### *Leperkan Kotak*

Anyaman oleh ahli Pertubuhan Wanita Kampung Song-Song (WANIS), Kota Belud yang diketuai oleh Salinah binti Bakri; Dyg. Hamidah binti Abdul Ghani, Fauzi@Fauzimah binti Stoh, Noraini binti Ati, Nurhakimi bin Haiman, Nuriani binti Seri, Salbiah binti Lokman, Serbiah binti Preeh, dengan penyelarasang lapangan oleh Tressie Yap.

2024

Kotak kad bod yang dijumpa, tin minuman aluminium, jalur reben aluminium

Koleksi seniman



## TIKAR/MEJA/PLASTIK

Anyaman oleh Aisyah Binti Ebrahim, Alini Binti Aniratih, Alisyah Binti Ebrahim, Ardih Binti Belasani, Darwisa Binti Omar, Dayang Binti Tularan, Dela Binti Aniratih, Endik Binti Arpid, Erna Binti Tekki, Fazlan Bin Tularan, Kinnuhong Gundasali, Kuoh Binti Enjahali, Luisa Binti Ebrahim, Makcik Lukkop Belatan, Makcik Siti Aturdaya, Malaya Binti Anggah, Ninna Binti Mursid, Noraidah Jabarah (Kak Budi), Roziah Binti Jalalid, Sabiyana Binti Belasani, Sanah Belasani, Tasya Binti Tularan, dan Venice Foo Chau Xhien

2023

Tenunan pandan warisan Pulau Omadal Bajau Sama Dilaut, pewarna kimia komersial, sisa plastik yang dikumpul

Koleksi seniman

Kesan kolonial meja itu terdapat pada namanya — *meja* dalam bahasa Melayu yang berasal daripada *mesa* dalam bahasa Portugis — dan mencatatkan ketibaannya dari tanah asing pada abad keenam belas. Sebaliknya, tikar anyam telah wujud di seluruh kepulauan Nusantara, dengan nama vernakular dan fungsi domestik dan sosial yang lazim sepanjang sejarah. Digunakan semasa duduk, tidur, makan dan dalam pengebumian, tikar mencabar meja dalam satu transposisi

yang “menggunakan” dan meratakan bentuknya menjadi siluet dan bayang-bayang semata-mata. Ditenun oleh komuniti Bajau Sama DiLaut, tikar-tikar ini menyatukan warisan dengan corak kontemporari dan menggabungkan bahan-bahan masa kini seperti sisa plastik pengguna yang hanyut ke pantai Sabah. Dianyam oleh kaum wanita dan anak perempuan mereka, tikar-tikar ini menjelaskan tali arus warisan, di samping inovasi kontemporari. Warisan mereka juga menyerlahkan kegentingan kedudukan kraf dan pengetahuan asli kepunyaan komuniti pantai tanpa kerakyatan, yang tidak diakui pihak pentadbiran walaupun pada zaman pasca-penjajahan.



### *Peta Mansau-ansau*

Anyaman oleh Lili Naming, Shahrizan Bin Juin

2024

Buluh Pus dibelah (Schizostachyum pilosum S.Drantsf.) anyaman, bahan kedap kusam Multifilla.

Koleksi seniman


*Mansau-Ansau* ialah nama anyaman yang dicipta oleh Yee dan rakan usaha samanya Julitah Kulinting, Lili Naming dan Shahrizan Bin Juin dari Keningau pada 2018. Dihasilkan dalam satu penerokaan motif, mereka cuba mencipta gaya baharu yang mencabar yang akan sentiasa mengubah haluannya, dan akhirnya berjaya sebaik sahaja hasrat dilepaskan dan sebaliknya corak itu dibiarkan muncul secara semula jadi. Perkataan *mansau-ansau* dalam bahasa Dusun dan bahasa Kadazan bermaksud mengembara hampir mirip cara nomad, dan pergerakannya, seperti yang direalisasikan dalam anyaman ini, hanya boleh diperhatikan selepas laluannya telah ditemui.

## **PANGKIS, “*helo dari luar*”, TEPO PUTIH**

Anyaman bertingkat-tingkat tukad kad dinamakan sempena rabung di bumbung mulut seseorang yang menjadi ketara dalam keadaan panas atau keasidan. Tapak pencetus ini, dan mulut sebagai pintu masuk ke dalam badan kita, diberi tumpuan dalam karya video *PANGKIS*. Perkataan “pangkis” merujuk kepada seruan pahlawan Murut di Sabah, digunakan untuk memanggil masyarakat supaya bersatu, menandakan kemenangan, dan juga melindungi seseorang daripada bahaya. *PANGKIS* merakam persembahan Teater Tarian Tagaps Sabah yang menggabungkan pergerakan tradisional dan kontemporari dengan bunyi seruan perang ini dan sambil memakai topi hutan *lalandau* Murut. Secara konvensional, alas kepala itu mempunyai pancang yang melambangkan pokok-pokok hutan, dihiasi dengan bulu burung *lalandau* atau *argus*. Dalam karya ini sebaliknya, pancang-pancang ini disambungkan seolah-olah menyerupai sudur yang menyatupadukan pahlawan pada masa seruan perang mereka didengarkan secara terbalik, mengembalikan bunyinya yang memukau kembali ke dalam badan.

Suara dan kenangan juga bersatu dalam pelukan karaoke. “*helo dari luar*” menggabungkan lagu-lagu yang telah menjadi popular dalam kalangan seluruh komuniti, seseorang itu tidak dapat mengelak daripada bernyanyi kala membaca liriknya.

Melengkapkan bilik ini ialah *TEPO PUTIH*, tikar tanpa hiasan yang biasanya menjadi ruang ritual. Di sini, ritual ialah kenduri, atau perhimpunan, dan anda dijemput duduk.



## *“helo dari luar”*

Anyaman oleh Lili Naming, Siat Yanau, Shahrizan Bin Juin, Juraen Bin Sapirin dan S. Narty Raitom

2019

Anyaman buluh pus dibelah dengan pewarna asli kayu obol, bahan kedap kusam

Koleksi Muzium Seni Singapura

## *Senarai lagu*

1. *Sweet Child O' Mine* -Guns N' Roses
2. *Something's Gotten Hold of My Heart* -Gene Pitney
3. *Lily*-Alan Walker, K-391 & Emelie Hollow
4. *Fly Me to the Moon* -Frank Sinatra
5. *You to Me Are Everything* -The Real Thing
6. *Livin' on a Prayer* -Bon Jovi
7. *Bohemian Rhapsody* -Queen
8. *Hello*-Adele
9. *My Heart Will Go On*-Celine Dion
10. *I Love You 3000* -Stephanie Poetri

## *TEPO PUTIH (Tikar Putih)*

Anyaman oleh penganyam Bajau Sama Dilaut dari Pulau Omadal:  
Kak Anjung, Makcik Bagai, Makcik Braini, Kak Ebbuh, Makcik  
Gangah, Kak Ginnuh, Kak Gultiam, Makcik Indah Laiha, Kak Kanuk  
dan Makcik Kuluk

2019

Anyaman pandan asli Sama Dilaut

Koleksi Muzium Seni Singapura



## *Topi Lalandau Berkepala 7*

Anyaman oleh Lili Naming, Siat Yanau, Shahrizan Bin Juin

2020

Anyaman buluh pus dibelah dengan pewarna hitam asli kayu obol,  
bahan kedap kusam

Koleksi Peribadi Singapura

## *PANGKIS*

Anyaman oleh Lili Naming, Siat Yanau, Shahrizan Bin Juin. Koreografi  
oleh Mohd Azizan Danial Bin Abdullah; Penari Jay Adner James, Carey  
Didier Chin, Mohd Hairul Azman Peter, Addam Jesley, Shahhijaz Khan,  
Mohd Nazri Adam, Earl Steiner (Teater Tarian Tagaps). Sinematografi  
oleh Al Hanafi Juhar; Pencahayaan oleh Candy Yik (Huntwo Studios).  
Lokasi: Kilang @ Inanam

2021

Video, Saluran tunggal, 9 minit 30 saat

Koleksi Muzium Seni Singapura



*Kerbau*

2007

Koleksi seniman

Di Asia Tenggara, kerbau mengimbau masa lalu dan sara hidup agraria. Apabila haiwan ini semakin langka dilihat akibat pembandaran, “binatang beban” sejarah ini dikaitkan dengan sentimentaliti pasif dan persekitaran indah yang nostalgik. Walau bagaimanapun, kerbau kontemporari dalam paparan *Kerbau Yee* kelihatan degil dan aktif dalam menuntut ruang dan jalan — “akar umbi” haiwan-haiwan ini — yang digambarkan oleh seniman dalam satu perhimpunan kolektif yang meraikan kekuatan dan kemahuan hebat haiwan ini.